

Pilih **calon** bebas rasuah: Mahathir

BH 10 MAY 2000

Oleh Kadir Dikoh, Jamhariah Jaafar, Wan Hazmir Bakar dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pemimpin yang dipilih oleh perwakilan dalam pemilihan di Perhimpunan Agung Umno kali ini, mereka yang bersih daripada amalan rasuah dan politik wang.

Presiden Umno itu berkata, selain bebas daripada rasuah, kriteria pemilihan itu juga perlu menjurus kepada calon yang benar-benar berkhidmat untuk bangsa, agama dan negara.

“Mereka juga mestilah tidak mementingkan diri sendiri. Saya yakin kali ini, saya tidak boleh jamin, tapi saya percaya majoriti yang akan dipilih terdiri daripada orang yang lebih bersih dan tidak akan terbabit dengan cara-cara yang tidak diinginkan,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai orang yang macam mana beliau mahu untuk memimpin Umno selepas pemilihan Khamis ini. Hadir sama Naib Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob.

Terdahulu, Dr Mahathir memberi taklimat selama kira-kira 80 minit kepada semua ketua, timbalan dan naib ketua bahagian Umno, ketua Pemuda dan Wanita bahagian, setiausaha, bendahari dan ketua penerangan bahagian dari seluruh negara serta ahli Majlis Tertinggi (MT) parti.

Pemilihan dalam Perhimpunan Agung Umno diadakan mulai jam 11 pagi Khamis ini iaitu selepas upacara perasmian. Pergerakan Pemuda dan Wanita akan mengadakan perhimpunan

esok.

Ditanya sama ada beliau akan mendedahkan identiti calon yang menggunakan wang untuk berkempen dalam ucapan dasarnya nanti seperti diumumkan sebelum ini, Perdana Menteri berkata: “Saya tak akan buat sesuatu ke-

nyataan melainkan saya dapat bukti jelas yang tidak boleh ditolak. Sebab itu walaupun saya sanggup mendedahkan orang ini, saya tidak akan membuat kenyataan yang tidak berasas.

“Pada masa yang sama, kalau pun saya tidak dapat bukti yang jelas tapi

ada sangkaan, maka ada cara-cara lain untuk kita bertindak. Memang ada juga (politik wang) sikit-sikit tetapi tidak secara langsung... payah nak memastikan,” katanya.

LIHAT MUKA 2